

Kebanyakan sungai di Selangor tercemar

» *Bahagian air bersih pada aliran berkenaan makin pendek akibat aktiviti guna tanah*

■ Kuala Lumpur

Kebanyakan sungai di Selangor yang menjadi sumber utama bekalan air mentah didapati tercemar dan berpotensi menjadi ancaman serius kepada keperluan asas yang penting jika tidak ditangani.

Ketua Unit Permodelan Alam Sekitar, Pusat Penyelidikan Forensik Alam Sekitar (ENFORCE) Universiti Putra Malaysia, Dr Hafizan Juahir, berkata bahagian air bersih di sungai semakin pendek akibat aktiviti guna tanah yang tinggi, terutama pembangunan kawasan perumahan.

Katanya, sebagai contoh, beliau mendedahkan panjang Sungai Langat, sungai utama di antara beberapa sungai di Selangor yang menjadi sumber air mentah ialah 149.3 km

tetapi bahagian air bersih hanya tinggal 49.3km saja manakala selebihnya 100km sudah tercemar.

Dalam satu temuramah dengan **BERNAMA**, Hafizan berkata, pencemaran sungai dikategorikan kepada empat kelas iaitu 1 dan 2 belum tercemar, manakala 3 dan 4 tercemar secara serius.

“Sepanjang 100km Sungai Langat sudah masuk dalam kelas 3, 4. Dan jika kualiti air sungai lebih teruk daripada ini, ia sudah dikira sungai mati,” katanya.

Hafizan berkata, data itu adalah terkini yang diperoleh oleh pelajarnya yang membuat persempahanan penemuan mereka mengenai keadaan Sungai Langat tiga hari lalu.

Daerah Hulu Langat semakin meruncing

Katanya, di daerah Hulu Langat kini keadaan semakin meruncing dan mengancam sungai akibat banyak pembangunan terutama kondominium, rumah kedai dan peningkatan populasi yang memberi impak negatif terhadap kualiti air akibat air cucian, sisa-sisa domestik dan sampah yang masuk ke dalam sungai.

“Saya adalah ahli sains dan

“Empangan hanya air untuk tujuan rawatan sebelum kita bekalkan kepada pengguna akhir seperti kita semua, pengguna domestik atau perindustrian. Sumber air ini datang daripada sungai. Kalau nak mengharapkan hujan, memang jumlah hujan kita tinggi tetapi ia jauh daripada mencukupi dengan keadaan pembangunan yang pesat, pertambahan dan peningkatan dalam populasi. Tidak dapat tidak, permintaan bekalan air bersih dan air terawat terus meningkat dari semasa ke semasa,” katanya.

*Dr Hafizan Juahir,
Ketua Unit Permodelan Alam Sekitar, Pusat Penyelidikan Forensik Alam Sekitar (ENFORCE) UPM*

penyelidik. Saya bercakap berdasarkan fakta mengenai kualiti air. Saya lihat secara terperinci setiap parameter kualiti air atau trend indeks kualiti air. Jadi kuantiti air yang bersih saja pun tinggal sikit saja,” katanya.

Ramai orang keliru

Hafizan berkata ramai orang terkeliru apabila bercakap mengenai sumber air kononnya negara yang kerap hujan untuk mengisi empangan seperti di Malaysia tidak perlu bimbang tentang sumber air.

“Empangan hanya air untuk tujuan rawatan sebelum kita bekalkan kepada pengguna akhir seperti kita semua, pengguna domestik atau perindustrian. Tetapi sumber air ini tadi perlu kita teliti daripada mana datang sumber air ini. Sumbernya datang daripada sungai.

“Kalau nak mengharapkan hujan, memang jumlah hujan kita tinggi tetapi ia jauh daripada mencukupi dengan keadaan pembangunan yang pesat, pertambahan dan peningkatan dalam populasi. Tidak dapat tidak, permintaan bekalan air bersih dan air terawat terus meningkat dari semasa ke semasa,” katanya.

Beliau menyokong rancangan kerajaan Persekutuan mendapatkan sumber air dari Sungai Pahang ke Selangor bagi mengatasi kekurangan sumber air dan pembinaan loji rawatan Langat 2 sebagai langkah mengelak krisis air yang dijangka melanda Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya menjelang 2014.